



SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 20 TAHUN 2020

4 Oktober 2020

Semua Staf dan Pelajar
Universiti Utara Malaysia

Y. Bhg. Dato' /Prof./Dr./Tuan/Puan

PENUTUPAN KAMPUS INDUK UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DAN PELAKSANAAN TUGASAN SECARA BEKERJA DARI RUMAH (WFH) MULAI 5 HINGGA 8 OKTOBER 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato' /Prof./Dr./tuan/puan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-272 Bilangan 9 Tahun 2020 pada hari ini telah bersetuju agar kampus Induk Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah ditutup mulai tengah malam ini, 5 Oktober 2020 (Isnin) jam 12.01 malam sehingga 8 Oktober 2020 (Khamis) bagi mengekang penularan virus Covid-19 dari menjangkiti warga kampus serta masyarakat sekitar.

3. Universiti telah mengambil langkah pencegahan dengan melaksanakan sanitasi di kawasan yang terlibat. Sehubungan dengan itu, Universiti telah memutuskan agar sepanjang tempoh ini semua pihak perlu mematuhi perkara berikut:-

- a) Tiada staf dibenarkan memasuki Kampus Induk Universiti kecuali dengan kebenaran Pendaftar.
- b) Pelajar juga tidak dibenarkan memasuki Kampus Induk Universiti kecuali dengan kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (HEPA).
- c) Semua pelajar yang telah berada di dalam kampus tidak dibenarkan keluar dari kawasan kampus. Bagi pelajar yang tinggal secara berkeluarga, ketua keluarga boleh dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan yang tidak dapat diperolehi di dalam kampus dengan kebenaran Pengetua Inasis masing-masing;

- d) Semua pelajar yang berada di Inasis Yayasan Al-Bukhary (YAB) adalah **DILARANG SAMA SEKALI** keluar dari kawasan Inasis. Inasis ini akan dikawal secara 24 jam oleh pihak Keselamatan Universiti;
- e) Semua staf dikehendaki melaksanakan tugas secara bekerja dari rumah (WFH) KECUALI bagi staf 'essential services' seperti di Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Jabatan Pembangunan & Penyenggaraan (JPP), Jabatan Bendahari dan Jabatan Keselamatan yang perlu melaksanakan tugas secara bergilir mengikut jadual yang disusun oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing;
- f) Staf UUM Kampus Kuala Lumpur juga dibenarkan untuk melaksanakan WFH sepanjang tempoh ini atas kebenaran Provos;
- g) Staf yang perlu hadir untuk mengambil peralatan penting bagi melaksanakan tugas secara WFH dibenarkan masuk ke kampus namun perlu mendapatkan surat kelulusan dari Pendaftar melalui ketua Jabatan masing-masing;
- h) Premis perniagaan di dalam kampus akan beroperasi seperti biasa. Pihak luar yang terdiri dari pengusaha kafe, staf bank, pasaraya serta premis perniagaan lain di dalam kampus dibenarkan masuk bagi mengoperasikan perniagaan mereka dan memberi perkhidmatan kepada warga yang tinggal di dalam kampus. Pekerja kontrak pembinaan dan penyenggaraan perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari pihak JPP;
- i) Semua sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi pelajar asasi perlu dibuat secara atas talian (*on-line*);
- j) Semua staf dikehendaki mengisi UUM CODSA pada setiap hari;
- k) Jika terdapat sebarang simptom, staf hendaklah terus ke pusat saringan COVID-19 yang berdekatan.

4. Pengurusan Universiti amat berharap agar semua warga kampus sentiasa mengamalkan norma baharu serta mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan Universiti agar rantai jangkitan COVID-19 ini dapat diputuskan.


5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

‘ILMU BUDI BAKTI’

“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'BAHARUDIN BINYACOB', with a long horizontal stroke extending to the right.

BAHARUDIN BINYACOB

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
 - Naib Canselor
 - Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)